

## 'Suka' dan 'Nangis' di Pulau Pinang: Analisis Geolinguistik

Junaini Kasdan\*, Syarif Abas, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan

### ABSTRAK

*Kajian dialek geografi di Malaysia sebelum ini telah memberikan maklumat taburan dialek secara umum berdasarkan perbezaan fonologi dan leksikal. Kajian tersebut juga telah menjadi asas kepada kajian geolinguistik pada hari ini. Dalam kajian kali ini, leksikal yang melibatkan emosi, iaitu 'suka' dan 'nangis' dalam dialek Melayu di Pulau Pinang telah diteliti. Berasaskan analisis geolinguistik, elemen linguistik digabungkan bersama dengan faktor bukan linguistik, seperti bentuk muka bumi, persempadanan, migrasi dan sejarah. Data kajian diperoleh daripada wawancara berstruktur terhadap responden yang terdiri daripada golongan remaja, dewasa dan warga tua. Kajian menunjukkan bahawa kedua-dua leksikal, 'suka' dan 'nangis' mempunyai tujuh varian. Taburan varian leksikal tersebut dipetakan menggunakan bantuan perisian Sistem Maklumat Geografi (Geographic Information System – GIS). Perbandingan dan penyebaran setiap varian leksikal tersebut telah berjaya membantu menghuraikan faktor geografi yang mempengaruhi pembentukan dan penyebarannya di Pulau Pinang, sekali gus membuktikan bahawa kesemua varian yang digunakan sangat berkaitan dengan geografi setempat. Kajian ini menjadi lebih menarik, sistematis dan meyakinkan kerana disokong dengan teknologi dan pendekatan multidisiplin.*

**Kata kunci:** Dialek Pulau Pinang, Geolinguistik, Geographic Information System (GIS), Suka, Nangis, Emosi.

### PENGENALAN

Leksikal emosi ialah kata yang melibatkan keadaan emosi atau reaksi psikologi seseorang. Emosi pula merupakan luahan perasaan seseorang seperti sayang, suka, marah, nangis, malu dan sebagainya. Menurut Jaafar (2006), kata emosi berasal dari kata Latin iaitu *emovere* yang bermaksud 'merangsang.' Patrick Michael Ryan (2014) dalam *Dictionary of Emotions: Words for Feelings, Moods and Emotions* pula mentakrifkan emosi sebagai '*natural instinctive state of mind deriving from one's circumstances, mood, or relationships with others*'. Menurutnya juga '*emotion is always consist of feelings, behaviour, physiological change and cognitions and always occurs in a particular context which influences it*'. Dalam bidang Psikologi, emosi selalu ditakrifkan sebagai bahasa dalaman seseorang yang berkait rapat dengan tindak balas (fizikal) daripada kepekaan perasaan dalaman dan luaran (pergaulan sosial). Colman (2016) pula mentakrifkan emosi sebagai "*any short-term evaluative, affective, intentional, psychological state, including happiness, sadness, disgust, and other inner feelings*". Emosi juga selalu dirujuk sebagai sifat semula jadi yang wujud dalam diri individu dan sangat berkait rapat dengan aktiviti sosial. Terdapat enam bentuk ekspresi emosi asas yang mempengaruhi kehidupan manusia, iaitu gembira atau suka (*happy*), sedih (*sad*), marah (*anger*), takut (*fear*), jijik (*disgust*) dan kejutan (*surprise*) (Ekman, 1992; Fridja, 2007; dan Plutchik, 2001). Keenam-enam bentuk ekspresi emosi ini sering mempengaruhi aktiviti sosial dan tingkah laku manusia..

Dalam bidang linguistik pula, emosi dilihat sebagai suatu proses otak yang melibatkan tindak balas saraf yang dipengaruhi oleh pengalaman individu, interaksi social, bahasa dan kognisi, yang bertujuan mengawal tingkah laku (Damasio, 2000 dan Manstead, 2012). Parkins (2012), Lazarus (2001) dan Oatley (2004) melalui kajian mereka telah berjaya mengesan elemen emosi sebagai

\*Koresponden: junaini@ukm.edu.my

aspek utama perkembangan bahasa dan aktiviti sosial manusia dan mampu diperjelas secara saintifik. Dengan kata lain, emosi merupakan tindakan minda yang dikeluarkan oleh pengaruh luaran. Apabila minda tersebut bangkit untuk menunjukkan sesuatu yang dirasainya, maka keadaan itulah yang dimaksudkan sebagai emosi. Oleh hal demikian, langkah yang diambil untuk mengawal emosi adalah sangat penting. Salah satu langkah yang boleh diambil adalah dengan menikmati keindahan alam semula jadi, khususnya di pulau-pulau peranginan yang menawarkan pelbagai keindahan alam, seperti pantai, teluk, hutan dan sebagainya. Antara pulau yang menarik untuk dikunjungi ialah Pulau Pinang. Pelancong yang datang bukan sekadar untuk meredakan emosi, malah leksikal-leksikal yang berkaitan turut dibawa bersama.

Dalam penulisan ini, penulis memilih Pulau Pinang sebagai kawasan kajian. Secara geografi, Pulau Pinang merupakan negeri yang terletak di sebelah utara Semenanjung Malaysia dan berhampiran dengan pesisir Barat Laut Semenanjung Malaysia. Secara politik, Pulau Pinang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu seberang pulau dan tanah besar yang dikenali sebagai Seberang Perai. Keluasan kawasan pulau ialah 285km<sup>2</sup>, yang terpisah sepenuhnya daripada Seberang Perai. Kedua-dua bahagian tersebut dihubungkan dengan perkhidmatan feri dan Jambatan Pulau Pinang yang panjangnya 13.5km. Peta 1 yang berikut menunjukkan peta negeri Pulau Pinang.



**Peta 1.** Pulau Pinang.

Catatan sejarah menunjukkan Pulau Pinang mempunyai pertalian yang erat dengan negeri Kedah. Pulau Pinang yang pada asalnya kepunyaan Kesultanan Kedah, diserahkan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (*British East India Company*) pada tahun 1786 oleh Sultan Muhammad Jiwa, sebagai gantian untuk mendapat perlindungan pihak British daripada serangan Siam dan Burma. Pada 11 Ogos 1786, Kapten Francis Light, menamakan pulau Pinang sebagai *Prince of Wales Island*, sebagai tanda penghormatan kepada Raja Muda Britain. Penempatan di Tanjung Penaigre yang terletak di hujung timur laut pulau dinamakannya "Georgetown", iaitu nama Raja George III dari Britain. Pada tahun 1826, negeri Pulau Pinang bersama dengan Melaka dan Singapura menjadi bahagian yang dikenali sebagai negeri-negeri Selat (*Straits Settlements*) di bawah pentadbiran British di India. Negeri ini menjadi tanah jajahan pemerintahan British pada tahun 1867. Pada tahun 1946, Pulau Pinang menjadi sebahagian daripada Malayan Union, sebelum menjadi sebuah negeri di Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Persekutuan

Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan Pulau Pinang menjadi salah satu daripada 13 negeri di dalam Persekutuan Malaysia sewaktu penuhuhannya pada tahun 1963.

Sejarah, bentuk muka bumi dan geografi Pulau Pinang yang saling berkait antara satu sama lain ini, tentunya mempunyai pengaruh terhadap pola taburan dialek Melayu di Pulau Pinang dan wajar untuk diteroka. Hal ini sesuai dengan pendapat Asmah Haji Omar (2008), iaitu faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan dialek ialah bentuk muka bumi atau geografi, sosial, ekonomi, dan politik. Justeru, usaha dan langkah untuk meneliti dan menjelaskan aspek perbezaan sesuatu dialek dalam sesuatu kawasan kajian adalah menjadi hal yang sangat penting. Pengkaji berpendapat bahawa kesan pergaulan antara masyarakat Melayu Pulau Pinang dan pengunjung yang datang, sama ada untuk beriadah, bermiaga, atau menjalankan kegiatan lain tentunya meninggalkan kesan, sekali gus membentuk pola taburan dialek dan isoglos yang menarik di Pulau Pinang. Dalam hal ini, perkembangan teknologi, khususnya bidang ICT pula dapat dimanfaatkan untuk membantu pemetaan dialek yang dilakukan. Sudah banyak kajian yang membuktikan bahawa GIS dapat membantu memetakan dialek dengan lebih sistematik dan tepat. Perisian ini membantu pengkaji melakar peta, menghuraikan penyebaran bunyi dan membentuk isoglos.

## **KAJIAN UMUM DIALEK DI MALAYSIA**

Pada awal 1970-an, Ismail Husin (1973) telah mula melakukan kajian terhadap dialek Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, diikuti oleh Harun Mat Piah (1983), James T. Collin (1983), Ajid Che Kob (1985) dan Rohani (1986). Hampir kesemua pengkaji menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual di lapangan bagi mengenal pasti perbezaan varian leksikal dialek yang berkenaan berdasarkan pertimbangan linguistik. Namun, kajian hanya tertumpu pada kawasan-kawasan tertentu. James T. Collin misalnya, mengkaji dialek Ulu Terengganu, Ajid Che Kob di Pasir Mas dan Rohani di Kuala Kangsar. Uniknya kajian James T. Collin, Ajid Che Kob dan Rohani berbanding dengan pengkaji sebelumnya ialah pengkaji-pengkaji ini turut membentuk peta lakaran isoglos bagi dialek yang dikaji. Berbeza dengan pengkaji-pengkaji lain, Zaharani (1991) pula membuat kajian dialek dengan melihat bentuk fonologinya berdasarkan kerangka fonologi generatif. Namun, kajian ini cenderung bersifat kualitatif yang tidak melibatkan kajian lapangan, sehingga analisis yang ditonjolkan lebih cenderung kepada analisis pola linguistiknya sahaja.

Selanjutnya, Asmah Haji Omar (1993) melakukan kajian yang lebih komprehensif dengan meninjau dialek-dialek yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Beliau menyenaraikan dialek kepada tujuh bahagian utama, iaitu dialek barat laut (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara), dialek Perak Tengah, dialek tengah, dialek Kelantan, dialek Terengganu, dialek Pahang dan dialek Negeri Sembilan. Dialek tersebut dikumpulkan melalui informan dan dipetakan berdasarkan sempadan negeri yang dinyatakan. Dalam perkembangan selanjutnya, Asmah Haji Omar (2008) kemudiannya menyatakan bahawa dialek Melayu di Semenanjung Malaysia secara umumnya terbahagi kepada Sembilan, iaitu dialek Kedah, dialek Perak, dialek Pahang, dialek Kelantan, dialek Terengganu, dialek Selangor, dialek Negeri Sembilan, dialek Melaka, dan juga dialek Johor. Di luar daripada kajian dialek Melayu Semenanjung Malaysia, Chong Shin (2009) dan Salbia (2015) pula mengkaji dialek Melayu yang terdapat di Sarawak. Chong Shin memberikan tumpuan pada dialek Melayu di Lembah Baram dan Salbia meninjau dialek Melayu di Kabong.

Berbeza dengan pengkaji-pengkaji lain, Harishon (2014; 2016), Nor Hashimah (2015); Nor Hashimah, Norlisafina, Zaharani dan Harishon (2016); Junaini, Nor Hashimah, Adriana Santa & Siti Noraini (2017); Zaharani, Nor Hashimah & Yusmaniza (2018); Nor Hashimah, Maizatul Hafizah, Harishon & Junaini (2017); serta Nor Hashimah, Adriana Santa, Siti Noraini & Hayati (2019) pula memberikan tumpuan kepada kajian geolinguistik dengan berbantuan GIS, iaitu

teknologi sistem maklumat dengan geografi sebagai terasnya. GIS menyediakan teknologi dan kaedah intergrasi data, analisis ruang dan kolaborasi. Kajian dilaksanakan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia, khususnya di Perak, Kedah, Langkawi dan Satun, Thailand. Kajian ini menghuraikan faktor linguistik dan bukan linguistik melalui pemerhatian terhadap fenomena kerencaman dialek di kawasan yang dikaji.

## **KAJIAN DIALEK DI PULAU PINANG**

Dalam konteks kajian dialek Pulau Pinang pula, Fazal Mohamed dan Norasmira (2012) misalnya, telah mengangkat permasalahan tentang kata tanya di semua daerah yang terdapat di sempadan politik Pulau Pinang. Ong Su Teck, Nur Syahida dan Rahim (2016) pula memberikan tumpuan kepada permasalahan tentang fonologi subdialek Pulau Pinang di Balik Pulau. Kajian yang dilakukan bertujuan mengenal pasti inventori fonem subdialek di negeri tersebut, di samping membandingkannya dengan proses fonologi subdialek Melayu Kedah. Kedua-dua kajian ini cenderung bersifat konvensional dan tidak bermaksud untuk membentuk sebarang peta isoglos.

Walaupun kajian dialek telah banyak dijalankan di Malaysia, namun masih banyak kelompongan yang perlu dipenuhi. Kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini telah membuka ruang dan menawarkan alternatif lain dalam kajian ilmu linguistik. Masih banyak fenomena dialek yang dapat dicungkil dan diketengahkan kepada masyarakat. Kajian geolinguistik yang memanfaatkan perisian GIS, pada umumnya masih belum begitu meluas dan masih banyak yang boleh diteroka, terutama yang melibatkan dialek Pulau Pinang. Justeru, kajian ini bermaksud meluaskan kajian yang telah dilakukan sebelum ini dengan meneliti leksikal yang berkaitan dengan emosi 'suka' dan 'nangis', di Pulau Pinang. Kajian juga bertujuan memetakan taburan varian leksikal tersebut menggunakan perisian GIS, dan seterusnya menghuraikan fenomena yang menyebabkan berlakunya variasi leksikal yang melibatkan kedua-dua leksikal tersebut berdasarkan analisis geolinguistik. Dalam hal ini, kajian lepas penting untuk dijadikan rujukan dan panduan pengkaji dalam melaksanakan kajian ini, seterusnya mengisi kelompongan yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu. Hasil kajian yang diperoleh pula akan dijadikan panduan dan memberikan idea kepada pengkaji lain dalam usaha mengembangkan kajian seumpama.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini melibatkan kajian lapangan di daerah dan kampung-kampung di negeri Pulau Pinang. Tujuannya adalah untuk mendapatkan data yang tulen dan secara langsung antara responden dan pengkaji. Walau bagaimanapun, bahagian utara/timur laut Pulau Pinang tidak termasuk sebagai kawasan kajian kerana kawasan tersebut merupakan kawasan yang telah maju dan pesat berkembang, sehingga penduduknya bukan lagi penduduk asal Pulau Pinang. Ciri ini bertentangan dengan kajian yang dilaksanakan, sekali gus tidak dapat dijadikan responden. Kajian lapangan yang dilakukan melibatkan temu bual, soal selidik dan rakaman audio. Seramai 123 responden yang terdiri daripada beberapa peringkat umur, iaitu remaja (15-25 tahun), dewasa (26-55 tahun) dan warga emas (56 tahun ke atas) terlibat dalam kajian ini.

Selanjutnya, kertas ini bertujuan membincangkan hasil dapatan kajian penyebaran leksikal [sukə] dan [nəŋɪs] di seluruh kawasan yang dikaji. Pengkaji meneliti tiga aspek pemaparan iaitu, pertama pemaparan varian leksikal yang ditemui di kawasan kajian, yang meliputi varian leksikal 'suka' dan 'nangis'. Kedua, penjelasan tentang keterkaitan geolinguistik yang menyebabkan berlakunya taburan leksikal, berbantuan GIS. Ketiga, pemaparan peta isoglos yang diperoleh. Kesemua varian kedua-dua leksikal ini dianalisis mengikut elemen bentuk muka bumi, sejarah, dan persempadanan.

## VARIAN LEKSIKAL [suka] DAN [nañis] DI PULAU PINANG

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), antara ciri yang menjadikan satu bahasa daerah berbeza daripada yang lain termasuklah kepelatan bunyi sebutan, gaya lagu sewaktu menuturnannya, dan perbezaan dari segi leksikal dan ungkapan-ungkapan tertentu. Oleh itu, berdasarkan varian leksikal di negeri Pulau Pinang ini terdapat kepelbagaian jenis sebutan yang mewakili sesuatu dialek di setiap daerah kawasan kajian. Namun begitu, perbezaan tersebut boleh difahami oleh penutur di daerah lain. Hal ini demikian kerana perbezaan tersebut masih dalam dialek yang sama, iaitu dialek Melayu Kedah, bahkan kesemua negeri di Semenanjung Malaysia yang terletak di bahagian Utara masih dapat memahaminya. Dialek Kedah ialah dialek Melayu yang mempunyai ciri-ciri tersendiri, yang dituturkan dari Perlis sampai ke Perak Utara, dengan itu dialek Kedah juga dituturkan di Pulau Pinang (Asmah Haji Omar 1985). Penutur dialek Pulau Pinang ini terpisah akibat bentuk muka bumi, seperti gunung-ganang, sungai, hutan rimba, dan sekatan-sekatan geografi yang lain, maka wujudlah bahasa yang bervariasi dalam dialek Pulau Pinang. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), dalam jangka masa panjang, ciri-ciri perbezaan menjadi semakin nyata dan dikenalkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Penutur dialek Pulau Pinang mengekalkan perbezaan sebutan tersebut sehingga ke hari ini.

Selanjutnya, kajian ini akan memaparkan varian kedua-dua leksikal yang dikaji. Bagi memudahkan perbincangan, varian bagi tiap-tiap leksikal disenaraikan dalam jadual dan kesemua leksikal ditandai dengan lambang L.

### VARIAN LEKSIKAL ‘SUKA’

Pada umumnya, suka merupakan pengaruh yang timbul dalam jiwa, kesan daripada melihat atau merasakan sesuatu, contohnya melihat bunga, barang, makanan, gadis cantik dan sebagainya. Dalam hal ini, Adiyanti M (2018) mentakrifkan suka sebagai *happiness*, iaitu keadaan mental apabila seseorang berasa selesa, tenang dan damai. Keadaan ini mendorong kepada wujudnya kepuasan (*satisfaction*) yang terjelma dalam bentuk emosi yang positif. Namun, KDE (prpm.dbp.gov.my) merakamkan lapan maksud ‘suka’, iaitu (i) perasaan girang dalam hati, (ii) senang hati, (iii) mahu, rela atau sudi, (iv) gemar, (v) setuju, (vi) kehendak (vii) menaruh kasih (viii) berkenan. Adiyanti M (2018) pula mencatatkan bahawa “*in happiness, cognitive play a role in giving meaning to an emotional experience such as pleasure, joy, and other positive emotions.*”

Berdasarkan data yang diperoleh, kajian mencatatkan tujuh varian ‘suka’ di Pulau Pinang. Bagi tujuan perbincangan, setiap leksikal ditandai dengan kod L1 (səkənɔʔ), L2 (maw), L3 (sukɔ), L4 (ʃɔʔ), L5 (bəkənən), L6 (səkənɔʔ) dan L7 (suka). Taburan varian leksikal tersebut dipaparkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Senarai Taburan Varian Leksikal ‘suka’

Bil	Leksikal	Daerah			
		Pulau	SP Utara	SP Tengah	SP Selatan
L1	səkənɔʔ	/		/	
L2	maw		/	/	
L3	sukɔ	/	/	/	/
L4	ʃɔʔ	/	/	/	/
L5	bəkənən	/			
L6	səkənɔʔ		/		/
L7	suka		/		/

Daripada tujuh varian tersebut, lima daripadanya, iaitu [səənɔŋ?], [səənɔŋ?], [sukə], [sukɔ], dan [ʃɔ?] dikelompokkan dalam kategori dialek geografi, manakala dua varian lainnya, iaitu [məw], dan [bækənən] dikelompokkan sebagai dialek sosial. Kedua-dua dialek sosial ini merupakan varian yang wujud disebabkan berlakunya migrasi penutur luar yang menetap dan tinggal di daerah tersebut. Menurut Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad (2015), bentuk muka bumi telah menyumbang kepada kewujudan penempatan baharu. Hal ini menyebabkan berlakunya migrasi di sesuatu kawasan. Walau bagaimanapun, migrasi juga boleh berlaku disebabkan faktor bukan linguistik, seperti faktor ekonomi, kemudahan infrastruktur, pendidikan dan lain-lain.

i. *Varian [səənɔŋ?]*

Seronok [səənɔŋ?] bermaksud sesuatu perkara yang dapat menyenangkan atau menyedapkan hati (prpm.dbp.gov.my). Varian ini juga merupakan leksikal bahasa Melayu baku yang bersinonim dengan leksikal [sukə]. Walau bagaimanapun, leksikal ini telah mengalami perubahan fonologi pada konsonan 'k', iaitu penggantian konsonan 'k' menjadi hentian glotis [?]. Berdasarkan lokasi, varian [səənɔŋ?] digunakan di daerah Pulau dan Seberang Perai Tengah. Di daerah Pulau terdapat tiga buah kampung yang menggunakan varian ini, iaitu Kampung Pulau Betung, Kampung Sungai Pinang dan Kampung Sungai Rusa; manakala di daerah Seberang Perai Tengah, leksikal ini hanya ditemui di Kampung Jawa dan Kampung Pelet. Berdasarkan lokasi, semua lokasi adalah berhampiran dengan kawasan perindustrian, pusat pentadbiran Pulau Pinang dan pusat pengajian tinggi. Justeru, wajarlah apabila bahasa yang digunakan cenderung kepada penggunaan bahasa Melayu baku.

ii. *Varian [səənɔŋ?]*

Varian [səənɔŋ?] dominan dituturkan di daerah Seberang Perai Utara dan empat buah kampung di Seberang Perai Selatan. Pada umumnya, varian L6 [səənɔŋ?] merupakan varian paling hampir dengan leksikal L1 [səənɔŋ?]. Kedua-duanya dibezakan melalui pengguguran bunyi vokal [ə] pada varian L1 kepada [ø]. Ketika leksikal tersebut dituturkan, pendengar bahkan sukar membezakan antara L1 dan L6 kerana bunyinya yang hampir sama.

iii. *Varian [sukɔ]*

Varian L3, [sukɔ] digunakan di semua daerah yang dikaji. Varian ini berubah daripada bentuk asalnya, iaitu [sukə] dalam bahasa Melayu baku kepada [sukɔ]. Perubahan fonologi yang berlaku, iaitu penggantian vokal rendah [ə] kepada vokal [ɔ]. Sebanyak enam buah kampung di daerah Pulau, lima buah kampung di Seberang Perai Utara serta empat buah kampung di Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan menggunakan varian ini.

iv. *Varian [sukə]*

Varian ini juga merupakan varian yang terjadi disebabkan perbezaan sebutan daripada pengejaan leksikal asalnya, iaitu [sukə]. Perubahan bunyi yang berlaku adalah daripada bunyi [ə] dalam bahasa Melayu baku, yang dilambangkan dengan huruf 'a' kepada bunyi vokal [ə]. Pada umumnya kajian juga mendapati varian L7, [sukə] cenderung dituturkan oleh penutur generasi muda, khususnya di enam buah kampung daerah Seberang Perai Utara dan empat buah kampung di daerah Seberang Perai Selatan.

v. *Varian [ʃɔ?]*

Menurut KDE (prpm.dbp.gov.my) 'syok' bermaksud 'sangat menarik hati (seronok, suka dsb), sangat memuaskan hati dan sangat tertarik hati.' Perkataan ini diberikan tanda 'pb', iaitu bahasa percakapan. Perubahan fonologi yang berlaku pada varian ini adalah penggantian konsonan 'k'

menjadi hentian glotis [?] dan penggantian vokal ‘o’ kepada bunyi vokal [ɔ]. Ciri ini merupakan ciri umum yang berlaku dalam dialek Melayu. Varian ini dituturkan secara dominan di tiga buah kampung di daerah Pulau, dua buah kampung di Seberang Perai Selatan dan tiga buah kampung di Seberang Perai Utara.

#### vi. *Varian* [bəkənən]

Menurut KDE (prpm.dbp.gov.my), ‘berkenan’ bermaksud sesuatu perkara yang bersetuju di hati, gemar dan suka di hati. Daripada tujuh varian leksikal /suka/, kajian mencatatkan bahawa varian [bəkənən] yang merupakan dialek sosial hanya digunakan di daerah Pulau. Varian ini dituturkan oleh penutur yang berpindah ke daerah Pulau, sedangkan penutur asli di daerah Pulau, tidak menggunakan varian ini. Sama seperti varian [səkənə?], varian ini juga dipengaruhi oleh lokasi, iaitu kawasan perindustrian, pusat pentadbiran Pulau Pinang dan pusat pengajian tinggi. Perubahan fonologi varian ini tidak begitu ketara, iaitu hanya berlaku pengguguran konsonan ‘r’ dalam dialek Pulau Pinang. Hal ini demikian kerana, dalam penyebutan bunyi asal leksikal ini dalam bahasa Melayu standard juga berlaku pengguguran konsonan ‘r’.

#### vii. *Varian* [maw]

Varian ini merupakan varian leksikal /mahu/ dalam bahasa Melayu standard. Menurut KDE (prpm.dbp.gov.my) perkataan mahu bermaksud suka akan sesuatu. Leksikal [mahu] merupakan leksikal yang bersinonim, dengan leksikal asal [suka]. Perubahan fonologi yang berlaku adalah penggantian bunyi konsonan [w] pada suku kata kedua ‘hu’. Varian ini dituturkan di Kampung Pokok Tampang, daerah Seberang Perai Utara dan Kampung Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah.

### VARIAN LEKSIKAL [nəŋɪs]

Kata /nangis/ bermaksud ‘melahirkan perasaan sedih, pilu dan lain-lain dengan mengeluarkan air mata dan suara yang tersedu-sedu.’ (KDE 2015). Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat tujuh varian leksikal /nangis/ berjaya dikenal pasti, di empat buah daerah di Pulau Pinang. Varian tersebut ditandai dengan kod L1 hingga L7, iaitu L1 [təŋɪja?], L2 [təŋɪjɔ?], L3 [təŋəja?], L4 [məŋəje?], L5 [kəŋɪjaw], L6 [ŋɪjaw], dan L7 [naŋeh]. Jumlah varian ini pasti mempunyai kaitan yang tersendiri dengan lingkungan atau persekitaran penutur di Pulau Pinang. Taburan varian leksikal /nangis/ dipaparkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Taburan Varian Leksikal [nəŋɪs]

Bil	Leksikal	Daerah			
		Pulau	S.P Utara	S.P Tengah	S.P Selatan
L1	təŋɪja?	/	/	/	
L2	təŋɪjɔ?		/		/
L3	təŋəja?	/		/	
L4	kəŋɪjaw	/		/	/
L5	ŋɪjaw		/		/
L6	məŋəje?	/			
L7	naŋeh		/		/

Ketujuh-tujuh varian tersebut dapat dikelaskan kepada varian dialek geografi dan varian dialek sosial. Data juga menunjukkan bahawa leksikal /nangis/ memperlihatkan varian dialek geografi yang lebih banyak berbanding varian dialek sosial. Hal ini menunjukkan bahawa, bentuk muka

bumi seperti gunung, bukit, sungai, dan sekatan geografi yang lain sangat mempengaruhi penyebaran varian /nangis/ di Pulau Pinang. Dua daripada varian yang ditemui, iaitu [məkəŋe?] dan [naŋeh] dikelaskan sebagai dialek sosial.

i. *Varian [təkijə?]*

Dalam bahasa Melayu standard, /teriak/ bermaksud berseru (memanggil dll) dengan suara yang kuat dan nyaring. Namun, leksikal ini juga ditakrifkan sebagai /menangis/ dalam dialek Kedah dan Kelantan (prpm.dbp.gov.my). Di Pulau Pinang, varian L1 [təkijə?] merupakan varian paling dominan digunakan di tiga buah daerah kecuali Seberang Perai selatan.

ii. *Varian [təkijɔ?]*

Sama seperti L1, varian L2 [təkijɔ?] juga dominan di tiga buah daerah kecuali Seberang Perai selatan. Varian L2 merupakan variasi bagi varian L1 [təkijə?]. Perubahan fonologi yang berlaku ialah penggantian bunyi vokal [a] kepada bunyi [ɔ].

iii. *Varian [təkəja?]*

Varian L3, [təkəja?] merupakan bentuk lain bagi variasi [təkijə?] dengan penggantian bunyi [i] kepada [ə] pada L3. Varian ini terdapat di dua buah kampung di daerah Pulau dan tiga buah kampung di daerah Seberang Perai Tengah.

iv. *Varian [kəkijaw]*

Seterusnya, varian L4 [kəkijaw] juga dilihat merupakan antara varian yang dominan digunakan pada tiga buah daerah kecuali Seberang Perai Utara. Keriau merupakan kata klasik (ark.) yang ditakrifkan sebagai menjerit, memekik, memaki hamun (prpm.dbp.gov.my). Konsep sikap menjerit-jerit sambil menangis yang biasa dilakukan, menyebabkan leksikal ini digunakan sebagai varian untuk leksikal /nangis/. Varian ini ditemui di enam buah kampung di daerah Pulau, tiga buah kampung di daerah Seberang Perai tengah dan sebuah kampung di daerah Seberang Perai Selatan.

v. *Varian [kijaw]*

Varian L5 [kijaw] merupakan bentuk variasi leksikal [kəkijaw] yang digunakan oleh penutur di daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Variasi L5 [kijaw] ini menunjukkan berlakunya pengguguran [kə] pada suku kata pertama, dan mengekalkan suku kata kedua dan ketiga.

vi. *Varian [məkəŋe?]*

Varian L6, [məkəŋe?] didapati hanya digunakan di daerah Pulau, dan sekali gus menunjukkan bahawa varian ini merupakan varian dialek sosial. Menurut responden yang ditemui bual di kawasan kajian [məkəŋe?] digunakan untuk kanak-kanak sahaja, iaitu merujuk kepada kanak-kanak yang sedang menangis. Varian ini berlaku perubahan secara total, penggantian leksikal lain yang membawa makna suka. Hanya terdapat sebuah kampung sahaja yang menggunakan varian ini iaitu Kampung Titi Teras, peta menunjukkan kawasan taburan varian ini.

vii. *Varian [naŋeh]*

Varian L7 [naŋeh] memperlihatkan kecenderungan dituturkan oleh generasi muda. Hal ini demikian kerana sebutan varian ini lebih hampir dengan bunyi asal leksikal, iaitu [nanjis]. Varian ini terlihat dominan di Kampung Padang Menggali dan Kampung Pokok Tampang di daerah

Seberang Perai Utara serta Kampung Masjid Baru di daerah Seberang Perai Selatan. Perubahan yang berlaku, iaitu penggantian vokal 'i' kepada bunyi vokal [e] dan konsonan 's' kepada bunyi konsonan [h] pada suku kata kedua.

### TABURAN VARIAN LEKSIKAL BERBANTUKAN GIS

Bahagian ini membincangkan penyebaran varian leksikal melibatkan emosi dialek Melayu di Pulau Pinang, dan dikaitkan dengan faktor geografi dan alam semula jadi di kawasan kajian.

#### *Simbol Varian*


Dalam bahagian ini, pengkaji bukan sahaja memaparkan jadual varian data bagi setiap leksikal yang dikaji, tetapi juga memaparkan peta isoglos dan koroplet, serta membuat penghuraian bagi penyebaran setiap varian. Oleh itu, dalam penandaan varian leksikal, pengkaji menggunakan simbol-simbol, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Petunjuk leksikal /suka/ dan /nangis/

Leksikal	Simbol	Varian	Leksikal	Simbol	Varian
suka	●	sukə	nangis	✚	təijaw
	◆	səcon?		✿	nəjeh
	✚	bəkənan		■	təkijə?
	◆	ʃɔ?		◇	məkənəjə?
	★				
	●	suko		✿	təkəja?
	○	maw		◆	kəkijaw
	■	səcon?		■	təkija?

#### Taburan Varian Leksikal [sukə]


Taburan varian leksikal /suka/ di negeri Pulau Pinang menunjukkan kerencaman yang sangat unik. Varian [sukə] dan [ʃɔ?] merupakan varian yang paling dominan di Pulau Pinang. Kajian mencatatkan daripada lebih 65% responden menggunakan varian [sukə] di daerah Pulau, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan, manakala di daerah Seberang Perai Utara pula penggunaannya mencapai 83%. Kajian turut mendapati bahawa 50% responden di daerah Seberang Perai Utara dan lebih daripada 30% responden di Seberang Perai Tengah di daerah lain menggunakan varian [ʃɔ?]. Peta Koroplet 1 berikut menunjukkan taburan varian keseluruhan varian leksikal /suka/ di Pulau Pinang.



**Peta Koroplet 1.** Taburan Varian Leksikal /suka/.

Taburan titik varian menunjukkan leksikal [bəkənən] hanya dituturkan di daerah Pulau kerana varian ini merupakan dialek sosial yang wujud disebabkan pengaruh dari bahagian timur laut Pulau, terutamanya Georgetown dan sekitarnya. Kajian turut mendapati bahawa varian [ʃ?] juga dominan di kawasan ini kerana Varian ini wujud akibat daripada migrasi yang berlaku disebabkan pertumbuhan kegiatan sosioekonomi yang pesat di kawasan tersebut.

Daerah Seberang Perai Utara pula menjadi kawasan yang mempunyai paling banyak varian. Hal ini demikian kerana di daerah Seberang Perai Utara banyak tempat menarik yang menjadi tumpuan masyarakat dari luar kawasan Pulau Pinang, terutamanya Butterworth. Butterworth merupakan kawasan paling pesat dan padat penduduk, yang menghubungkan Pulau Pinang dan seberang Pulau melalui jambatan Pulau Pinang. Kedudukannya yang terletak berhampiran dengan Lebuhraya Utara Selatan (bahagian Sungai Dua ke Ipoh) juga menjadikan kawasan ini lebih cepat berkembang dan pelbagai kegiatan sosioekonomi berjalan. Sebagai kawasan tumpuan, kawasan ini turut menerima pengaruh bahasa dan dialek dari luar, terutama kawasan berhampiran, iaitu negeri Kedah dan Perak utara. Bagi memudahkan interaksi pula, bahasa Melayu standard cenderung digunakan. Hal ini dibuktikan melalui jumlah varian yang berjaya dikumpulkan di kawasan ini. Jarak antara kawasan kajian ke Butterworth hanya 2.7 km dan perjalanan hanya mengambil masa enam minit. Jarak tersebut dipaparkan melalui gambar 1 yang berikut.




**Gambar 1.** Peta Google menunjukkan jarak titik kampung dari Butterworth.

### Taburan Varian Leksikal [nangis]

Kerencaman dan keunikan leksikal yang melibatkan emosi ini tidak terhad pada varian leksikal /suka/ sahaja tetapi leksikal /nangis/ juga turut menunjukkan satu taburan varian yang menarik. Taburan varian leksikal /nangis/ agak berbeza dengan taburan varian leksikal /suka/, sekali gus membentuk pola taburannya yang tersendiri. Bagi leksikal /nangis/, varian [təkijə?] dan [kəkijaw] mendominasi varian-varian yang lain. Varian /təkijə?/ dituturkan oleh lebih daripada 55% responden di daerah Pulau, 83% responden di daerah Seberang Perai Utara dan 16% responden di daerah Seberang Perai Tengah. Selanjutnya, varian [kəkijaw] pula dituturkan oleh lebih daripada 65% responden di daerah Pulau, 50% responden di daerah Seberang Perai Tengah dan 16% responden di daerah Seberang Perai Selatan. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa varian [məkəne?] ialah varian yang paling sedikit dituturkan, iaitu hanya 11% responden menggunakaninya. Sama seperti varian [bəkənan] untuk leksikal [suka], [məkəne?] juga hanya digunakan di daerah Pulau.

Hasil kajian turut mencatatkan bahawa varian leksikal /nangis/ dapat dikategorikan kepada tahap-tahap perlakuan menangis. Varian yang paling dominan, iaitu [kəkijaw] merupakan tahap paling perlahan atau menangis teresak-esak dengan suara tersedu-sedu. Tahap yang lebih kuat ialah [naŋeŋ], iaitu perbuatan menangis lepas yang tidak diikuti dengan suara tersedu-sedu. Tahap yang paling kuat pula ialah [təkijə?], menangis dengan suara tinggi dan tahap paling rendah disebut sebagai [məkəne?], iaitu perbuatan menangis berpanjangan yang selalu berlaku pada kanak-kanak, khususnya kanak-kanak yang berumur kurang daripada tujuh tahun. Selanjutnya, peta Koroplet 2 yang berikut menunjukkan taburan varian bagi leksikal /nangis/ yang dihasilkan.



**Peta Koroplet 2.** Taburan Varian Leksikal /nangis/.


Berdasarkan Peta Koroplet 2, dapat dilihat bahawa daerah Seberang Perai Tengah mempunyai jumlah varian yang paling sedikit, iaitu tiga varian sahaja. Namun, di tiga daerah yang lain, iaitu daerah Pulau, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan dicatatkan empat varian. Taburan ini didapati berbeza dengan taburan leksikal /suka/, yang tinggi di Seberang Perai Tengah. Hipotesis pengkaji ialah orang yang mempunyai emosi suka cenderung untuk melakukan kegiatan yang melibatkan orang ramai, misalnya di pusat membeli-belah atau kegiatan yang tidak berhubungan langsung dengan alam.

Keadaan ini berbeza dengan orang yang berhadapan dengan emosi sedih, yang biasa dikaitkan dengan menangis atau /nangis/. Mereka cenderung memilih lokasi yang lebih berkaitan dengan alam. Hal ini pernah dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh penyelidik di *University of British Columbia* (xxx). Mereka membuktikan bahawa dengan melihat pepohon, dan keindahan alam, mood seseorang akan menjadi lebih baik. Oleh itu, pandangan ini bertepatan dengan tanggapan pengkaji, iaitu kawasan di daerah Pulau, seperti Pantai Aceh, Taman Negara Pulau Pinang dan perkampungan nelayan Gertak Sanggul, turut menyumbang kewujudan varian leksikal /nangis/. Secara umumnya, apabila seseorang itu dalam keadaan sedih, keindahan pantai dan alam semula jadi boleh menjadi terapi untuk menenangkan perasaan yang sedih dan meredakan emosi.

Taman Negara Pulau Pinang terletak di sebelah pesisiran pantai Pulau Pinang misalnya, mempunyai keluasan sekitar 1,266 hektar, meliputi dipterokarpa, tanah tinggi, paya bakau, pantai dan juga pesisiran pantai berbatu. Keluasannya adalah yang kedua terbesar selepas Taman Negara. Taman ini sesuai untuk kegiatan merentas hutan, bahkan pengunjung berpeluang untuk mengalami pelbagai habitat yang meliputi pantai berpasir dan berbatu sehingga kepada dataran

lumpur, paya bakau, kolam meromikтик dan hutan hujan tropika. Oleh itu, dengan adanya Taman Negara Pulau Pinang ini, keindahan alam flora dan faunanya boleh menjadi salah satu faktor untuk menjadi terapi bagi meredakan emosi, terutama emosi sedih, yang biasanya disertai dengan menangis. Menurut penyelidik dari Nippon Medical School ([www.nms.ac.jp](http://www.nms.ac.jp)), hal ini ada kaitannya dengan *shinrin-yoku* atau *forest bathing* (mandian alam?). Apabila seseorang melakukan mandian alam, mereka akan dapat menghirup udara segar, yang mengandungi minyak esensial yang dihasilkan oleh pepohonan. Minyak ini memiliki komponen aktif seperti limonena yang bersifat antimikrob dan meningkatkan kekebalan badan, sekali gus mengurangkan tekanan emosi, termasuk menangis.

Peta Google 2 menunjukkan perkaitan antara jarak lokasi kajian dengan faktor wujudnya varian. Dalam hal ini pengkaji turut mengaitkan kewujudan varian dengan aktiviti pelancongan.





**Gambar 2 .** Peta Google menunjukkan jarak titik kampung dari Taman Negara.

Dari segi linguistiknya pula, leksikal yang dituturkan atau digunakan oleh orang yang mengalami gangguan emosi ini turut disebarluaskan melalui perbualan tidak rasmi dengan penduduk setempat. Hal ini dapat menyatakan bahawa, faktor pelancongan yang ada di daerah ini dapat dikaitkan dengan taburan varian leksikal /nangis/. Walau bagaimanapun, kajian lanjut yang lebih komprehensif tentang pernyataan ini masih perlu dilakukan.

Bagi varian yang paling rendah pula, iaitu di daerah Seberang Perai Tengah pengkaji dapat menjelaskan bahawa, di daerah ini agak kurang tempat-tempat pelancongan yang berunsurkan keindahan alam semula jadi. Di daerah ini lebih pesat dengan pembangunan, perumahan, pusat membeli-belah dan sebagainya. Hiruk-pikuk ini tentunya tidak sesuai untuk mereka yang dalam keadaan bersedih. Oleh hal yang demikian, tidak hairan apabila varian bagi leksikal /nangis/ di kawasan ini merupakan varian yang paling rendah.

Selanjutnya, dari Peta Koroplet 2, dapat dilihat bahawa di daerah pulau terdapat satu simbol (♦) yang mewakili varian [məkəne?]. Perkara yang menarik ialah varian leksikal ini adalah benar-benar baru di kawasan ini. Dapat dipastikan bahawa kewujudan leksikal ini adalah dipengaruhi oleh faktor migrasi akibat kepesatan aktiviti sosioekonomi dan sosiobudaya di lokasi berhampiran.

Daripada penjelasan yang dikemukakan, kajian ini turut mengemukakan peta isoglos bagi varian kedua-dua leksikal yang dikaji, iaitu /suka/ dan /nangis/. Peta 3 merupakan isoglos bagi varian leksikal /suka/, manaka Peta 4 merupakan isogloss bagi varian leksikal /nangis/ yang telah dihasilkan dengan bantuan perisian GIS.



## KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya memperlihatkan kepelbagaiannya variasi bagi leksikal yang melibatkan emosi, iaitu /suka/ dan /nangis/ dalam dialek Pulau Pinang, sekali gus menunjukkan wujudnya kerencaman dari aspek penggunaannya. Kerencaman dan keunikan tersebut bukan sahaja dipengaruhi oleh bentuk muka bumi, sejarah, pengaruh dialek luar dan persempadanan tetapi juga kegiatan sosioekonomi. Secara umumnya, kajian ini menyimpulkan kawasan tanah besar, iaitu kawasan Seberang Perai banyak menerima pengaruh dialek Melayu Kedah dan Perak Utara akibat daripada faktor persempadanan dan kegiatan sosioekonomi. Pusat membeli-belah, lebuhraya dan kawasan tumpuan keramaian cenderung meninggalkan kesan terhadap varian leksikal /suka/. Variasi dialek di daerah Pulau pula didapati banyak dipengaruhi oleh faktor migrasi dan kegiatan pelancongan. Keindahan alam semula jadi dan kehijauan hutan ternyata memberikan kesan terhadap variasi leksikal /sedih/. Walau bagaimanapun, kajian lanjut yang lebih komprehensif terhadap leksikal yang sama di kawasan yang mempunyai ciri yang sama perlu dilakukan bagi menyokong hasil dapatkan kajian ini.

## PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan geran penyelidikan Cabaran Perdana DCP-2017-008/2 sehingga terlaksananya kajian ini.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1974). *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adiyanti M. (2018). The children's happiness in Javanese families: Two perspectives. *J Child Psychol* 2018;2(1):9-15.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi ke-5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1982). Language and society in Malaysia. Dlm. Asmah Haji Omar (pnyt.). *The Kedah Dialect: Its Distribution, Development and Role in The Kedah Speech Community* hlm. 174-194. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1983). *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1991). *The Phonological Diversity of The Malay Dialects*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Muafakat bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM sebagai Pembina bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin. (2009). Dialek-Dialek Melayu di Lembah Baram. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*. Jil. 27(2): 59-71.
- Collins, J. T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Norasmira Noordin. 2015. Kata Tanya *mana* dalam dialek Pulau Pinang Dalam Program Minimalis. Pusat Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhamad. (2017). Kata soal dalam dialek Perlis Dlm *Akademiaka* 87(1): 177-187.
- Fishman, J. A. (1991). *Sosiologi Bahasa* (terj. Alias Mohammad Yatim). Pulau Pinang/Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Abdul Jalil Haji Anuar, Abdul Hamid Mahmood, Tengku Fauziah Ku Mat, Haji Abdullah Haji Salleh & Ismail Salleh. (2016). *Glosari Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurti Kridalaksana. (1982). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Siti Noraini Hamzah, Yusmaniza Mohd. Yusof & Norlisafina Sanit. (2014). Geo-linguistics study on lexical and phonology dialect variations in North Perak, Malaysia. Dlm. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 118 (2014): 152-158.
- Harishon Radzi, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Pelestarian kaedah lapangan: penerapan terhadap kajian Geo-Dialek. *Jurnal Linguistik* vol. 19(1): 58-77.
- Harishon Radzi. (2017). Analisis Geolinguistik Leksikal Dialek Melayu di Perak Menggunakan Sistem Maklumat Geografi. Tesis Dr. Fal, Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa,Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman & Mohamed Azlan Mis (pnyt.). (2016). *Variasi Bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Dahaman. (1997). *Glosari Dialek Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaludin, Harishon Radzi, Adriana Santa, Siti Noraini Hamzah. (2015). *The Variant of Emotion Lexicons in Langkawi Island: A Geolinguistik Analysis*. Institute of the Malay World and Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maizatul Hafizah Abdul Halim. (2016). *Variasi Leksikal Dialek di Langkawi: Analisis Geolinguistik*. Tesis Sarjana, Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mengantar Simanjuntak. (1985). *Perubahan-perubahan Bunyi Bahasa: Satu Kajian Kes Bahasa Melayu Perlis*. Pendidikan dan Kebudayaan, Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Mohd Nadzar bin Mohd Sharif, Abdul Jalil bin Hj. Anuar, Hassan bin Mohd. Ali Nuwairi bin Hj. Khaza'ai & Diarani binti Mat Adam. *Glosari Dialek Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasir Nayan. (2010). *Manual ArcGIS™: Amali ArcMap™ dan ArcCatalog™*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Radzi. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol. 16(1) halaman
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustaffa Omar & Mokhtar Jaafar. (2013). *Lexical variation and distribution in Perak Malay: A GIS Approach*. Dlm Seminar on Southeast Asian Linguistics (SEALS), 29-31 Mei 2013: Universiti Chulalongkorn, Bangkok.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2000). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* jilid 8(2): 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). *The Kedah Malay Dialects Spoken Among Thai Speakers In Langkawi And Satun A Preliminary Study*. Pembentangan Kertas Kerja ISMIL.
- Ong Su Teck, Nur Syahida Adilah Suri & Rahim Aman. (2016). The Phonology of Penang Subdialects: A Study in Balik Pulau, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Phua Mui How. (2008). *GIS Satu Pendekatan Praktikal*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain. (1986). *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Rohaidah Haron. (2009). "Pancaran Kesantunan dalam Wacana Perbicaraan: Suatu Tinjauan". Prosiding Persidangan Linguistik Utara Ke-6, hlm. 381-85, 2009.
- Rohani Mohd Yusof. (2003). Kuala Kangsar sebagai Zon Transisi Dialek. *Jurnal Bahasa*. 3(4):588-606.
- Rohani Mohd Yusof. (1986). *Dialek Geografi Kuala Kangsar: Suatu Kajian Perbandingan*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salbia Hassan. (2015). Sistem Vokal Dialek Melayu Kabong, Sarawak. Dlm. *Jurnal Bahasa*. Jil. 15 (1) halaman
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. Tahun, Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik* vol. 18(2): 30-46.
- Trudgill, P. (1974). *Sosiolinguistik: Satu Pengenalan*. Terj. Nik Safiah Karim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Nan Wan Mahmud. (1992). *Kamus Dialek Perlis*. Kangar, Perlis: Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Perlis.
- Zaharani Ahmad. (1991). *The Phonology & Morphology of The Perak Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (2013). *Aspek Fonologi Bahasa Melayu: Daripada derivasi rumus kepada tatatingkat kekangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://www.nms.ac.jp/college/english/research/topics02.html>